

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 FEB 2015

Nik Aziz mesra wartawan

BH
- 16/2/2015



**VEENA
RUSLI**

veena@bh.com.my

» Allahyarham sering pesan jaga etika penulisan berita

Saya menjejaskan kaki ke Kota Bharu pada 11 Ogos 1996 bagi memulakan tugas sebagai wartawan *Berita Harian* di biro Kelantan - dua hari selepas Datuk Nik Aziz Nik Mat membuat kenyataan kakitangan awam wanita di negeri itu tidak digalag memakai gincu kerana dianggap boleh menarik perhatian lelaki.

Keesokannya, saya diarah membuat liputan majlis dihari Menteri Besar Kelantan itu. Ia adalah kali pertama saya melihat Allahyarham secara dekat dan sempat diperkenalkan oleh Setiausaha Politiknya ketika itu, Datuk Husam Musa.

(Saya bergincu kerana sudah menjadi kebiasaan dan ia tidak mengundang sebarang teguran sepanjang pertemuan).

Itu adalah permulaan kehidupan tujuh tahun penuh warna di Tanah Serendah Sekebun Bunga, mengenali individu yang lembut suaranya namun tegas pendiriannya.

Mesra disapa Tok Guru, Allahyarham gemarkan soaln provokasi. Seteru politik kegemarannya ketika itu adalah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang kerap disebut Nik Aziz secara berseloroh sebagai "insan bijak tapi dia salah parti."

Mata Allahyarham kerap mengedil tanda khusus setiap kali mendengar soaln wartawan, disusuli dengan dahi berkerut dalam mencerna apa yang perlu dikatakan sebelum menjawab.

Petikan ayat al-Quran tidak lekang dalam jawapannya, malah ia menjadi mukadimah dalam ucapan dan ceramahnya.

"Itu cara saya berdakwah. Kadang-kadang kita terlalu sibuk dengan urusan dan masalah dunia hingga terlupa al-Quran menyimpan segala jawapan."



Nik Aziz melayan soaln wakil media di Kota Bharu.

[GAMBAR PADA TAHUN 2012]

Di luar lingkaran keperibadiannya sebagai Mursyidul Am dan Menteri Besar, Nik Aziz turut menampilkan sikap sebagai bapa kepada kelompok wartawan.

Nasihah paling kerap diberi ialah betapa pentingnya tugas wartawan dalam memberi maklumat kepada masyarakat, seperti mana Tok Guru berdakwah.

"Jaga etika dan amanah kerana setiap perkataan yang kita tulis itu akan disoal kembali oleh Allah SWT di akhirat kelak. Wartawan tulislah apa pun pasal saya tapi kalau tak betul, kena cari saya di Padang Mahsyar," katanya.

Apabila topikny ialah politik UMNO-PAS, Nik Aziz pasti berujah penuh semangat. Pernah sekali, beliau memasuki kereta rasminya (DAB 80) selepas menemui wartawan, tetapi keluar semula kerana tidak puas bercakap.

Bagaimanapun, ada juga masanya beliau enggan bersuara. Jika kelibatnya keluar awal selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), itu adalah isyarat tidak mahu memberi kenyataan. Jika dipujuk juga, beliau akan berhenti di hadapan lif, berpaling ke arah kami sambil tersenyum dan berkata: "Bolehlah sikit. Saya nak katakan, hari ini saya sakit perut."

Ayatnya paling mudah untuk mematkan tujahan soaln kami adalah: "Itu dia punya pasal."

Suka bergurau

Nik Aziz memberi layanan sama rata terhadap wartawan tetapi wakil *The Star* ketika itu, Nick Leong, kerap menjadi bahan gurauannya.

"Saya Nik Aziz, dia Nick Leong. Dua-dua bunyi sama tapi bezanya dia belum masuk PAS," katanya.

Berita kematian bekas Presiden PAS, Allahyarham Datuk

Fadzil Noor, pada 23 Jun 2002 adalah detik saya melihat air mata mengalir di pipi Nik Aziz. Sidang media di kediaman rasmi Menteri Besar di JKR 10 petang itu sarat dengan emosi, manakala suara Tok Guru yang tersekat-sekat memadi untuk menceritakan kepiluannya atas kehilangan seorang sahabat.

Gemar berburu

Allahyarham gemar berburu dan amat menjaga kebun buah-buahan di belakang kediamannya di Pulau Melaka.

Hobinya itu turut membawa kepada insiden melucukan. Satu petang, saya bersama rakan kru TV3 mencari Tok Guru di rumahnya untuk mendapatkan komen berhubung isu semasa.

Sebaik tiba, anaknya memaklumkan Tok Guru keluar ke kebun dan meminta kami menunggu di halaman rumah.

Kira-kira 15 minit kemudian, Nik Aziz keluar berjalan ke arah kami sambil memegang sena-

pang dan memakai persalinan memburu, lengkap dengan but.

Melihat gayanya seolah-olah mahu 'menembak' kami, wartawan TV3, Nik Mahadi Hassan, pantas mengangkat tangan dan berkata: "Sabar Tok Guru, sabar. Toksoh (jangan) tembak, kami nok (mahu) komen Tok Guru jah (saja)."

Nik Aziz tersenyum lalu berkata: "Ambo gi tembok tupai, habih buah keno make (Saya pergi tembak tupai, habis buah kena makan)," katanya.

Saya pernah mendapat panggilan telefon seawal jam 7 pagi daripada bekas Setiausaha Politiknya, Anual Bakri Haron, yang menyampaikan ucapan terima kasih Nik Aziz atas laporan bertajuk *Rakyat Kelantan undi PAS dapat pahala* kerana dianggap menepati apa yang diperkatakan sehari sebelumnya.

Keratan berita itu saya bingkakan sebagai hadiah perpisahan ketika menemui Nik Aziz di pejabatnya sebelum meninggal-

kan Kelantan pada 30 Mac 2003. Secara spontan, Allahyarham mengeluarkan sebatang pen dari kocek baju Melayunya.

Pertemuan terakhir

"Wartawan tak boleh kerja kalau tak ada pen. Ini saja yang dapat saya kasi," katanya. Pen itu masih elok dalam simpanan.

Ketika kembali ke Kota Bharu pada 2004 bagi liputan muktamar, Nik Aziz menyebut nama saya sebaik terpanang sebelum memulakan sidang media, tanda masih mengingati walaupun tidak lagi bekerja di Kelantan.

"Veena ni dulu dari pagi sampai malam cari mana saya pergi. Patut dia duduk sini, tak payah kerja sana (Kuala Lumpur)," katanya.

Ingatan itu juga yang membolehkan saya mendapat temubual eksklusif bersama Nik Aziz di kediamannya di Pulau Melaka mengenai pengalaman diserang sakit jantung. Kebenaran doktor untuk bercakap selama 10 minit berlanjutan menjadi hampir setengah jam. Pertemuan terakhir saya dengan Allahyarham ialah pada 18 November 2012, penghujung Muktamar PAS Ke-58 di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa.

Keadaan kesihatan tidak mengizinkan mengikuti muktamar tetapi Nik Aziz hadir bagi mendengar sesi pengumuman Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Dalam keuzuran pun, pemikirannya tetap tajam manakala kata-katanya terus pedas dalam menjunjung obor perjuangan.

Hingga ke akhir hayatnya, Nik Aziz yang saya kenali berada dalam kelas tersendiri, sarat mendukung pemikiran yang mengibangi keperluan sahiah dan rohani.

Berkali-kali Allahyarham menyebut mahu menjadi wakil rakyat hingga ke nafas terakhir dan janjinya itu nyata dipenuhi.

Selepas lebih separuh abad berjuang, kini tiada lagi resah dunia menggangu Tok Guru Nik Aziz. Al-Fatihah.



Nik Aziz menyerahkan sejambak bunga kepada isterinya, Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak sebagai simbolik sempena sambutan hari suami isteri peringkat Negeri Kelantan. (GAMBAR TAHUN 2012)